To be **Malaysia's foremost integrated healthcare solution provider**, contributing significantly to **improving wellness of people** in the region by **providing high quality products and services.**

# vision
# wawasan



Untuk menjadi **penyedia penyelesaian penjagaan kesihatan berintegrasi** yang menyumbang secara signifikan dalam **mempertingkatkan kesihatan masyarakat** di rantau ini dengan **menyediakan barangan dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.**

# 2003 highlights ikhtisar 2003

**1 TURNOVER/JUMLAH DAGANGAN**
- RM632.6 million – growth by 8.1%
  RM632.6 juta – pertumbuhan sebanyak 8.1%

**2 PROFIT BEFORE TAXATION**
**KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI**
- RM66.8 million – up by 9.1%
  RM66.8 juta – pertumbuhan sebanyak 9.1%

**3 EARNINGS PER SHARE**
**PENDAPATAN SESAHAM**
- 40.7 sen – growth of 9.1%
  40.7 sen – pertumbuhan sebanyak 9.1%

**4 DIVIDEND/DIVIDEN**
- Tax exempt interim – 3.5 sen per share
  Interim dikecualikan cukai – 3.5 sen sesaham
- Tax exempt final – 8.5 sen per share
  Akhir dikecualikan cukai – 8.5 sen sesaham

**5 PRODUCTS/PRODUK**
- 8 new products launched
  8 produk baru dilancarkan
- 6 bio-equivalent products
  6 produk kesetaraan-bio
- 17 new products registered
  17 produk baru didaftarkan

**6 ACHIEVEMENTS/PENCAPAIAN**
- Transfer to Main Board
  Perpindahan ke Papan Utama
- KLSE Corporate Awards
  Anugerah Korporat BSKL
- NACRA Award
  Anugerah NACRA
- Acquisition of 100% subsidiary Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd
  Pengambilalihan 100% anak syarikat Safire Pharmaceuticals (M) Sdn Bhd

## mission

**To become Malaysia's most valued company supporting its stakeholders:**
- As partners to the medical profession in the provision of healthcare through provision of affordable, quality medicines and other products and services.
- As a leader in Malaysia's healthcare industry.
- As a company that cares for the community.



## misi

**Untuk menjadi syarikat yang paling dihargai di Malaysia, menyokong para pemegang kepentingannya:**
- Sebagai rakan kepada profesion perubatan dalam penyediaan penjagaan kesihatan melalui pembekalan ubat-ubatan yang berkualiti serta lain-lain barangan dan perkhidmatan.
- Sebagai pemimpin industri penjagaan kesihatan Malaysia.
- Sebagai sebuah syarikat yang prihatin terhadap masyarakat setempat.

**Enhancing Value to Shareholders**
**Meningkatkan Nilai untuk Pemegang-Pemegang Saham**

| | | 2003 | 2002 | 2001 | 2000 | 1999 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Turnover/Jumlah dagangan | RM'000 | 632,604 | 585,237 | 543,496 | 427,591 | 356,382 |
| Net profit for the year/Keuntungan bersih tahun | RM'000 | 40,756 | 37,341 | 30,804 | 24,805 | 20,678 |
| Operating profit margin/Margin keuntungan operasi | % | 13.7 | 13.0 | 12.5 | 11.1 | 10.0 |
| Dividend rate/Kadar dividen – Interim/Pertengahan | % | 3.5 | 2.5 | – | – | – |
| – Final/Akhir | | 8.5 | 6.0 | 7.5 | 5.0 | 5.0 |
| Growth in turnover/Pertumbuhan jumlah dagangan | % | 8.1 | 7.7 | 27.1 | 20.0 | 12.9 |
| Growth in net profit/Pertumbuhan keuntungan bersih | % | 9.1 | 21.2 | 24.2 | 20.0 | 155.2 |
| Dividend payout/Pembayaran dividen | RM'000 | 12,000 | 7,250 | 3,750 | 2,500 | 2,500 |
| Share price/Harga saham | RM | 5.30 | 4.18 | 4.00 | 4.68 | 2.49 |

The Pharmaniaga brand is an integral part of Pharmaniaga the entity. It represents our promise to our customers that we will contribute significantly to improving their wellness by providing high quality products and services. Our brand stands for trust, consistency and a defined set of expectations.

In looking to own a positioning in our customers' minds that is unique to Pharmaniaga, we have brought to play our philosophy of "doing business with a conscience". It is our hope that when people hear the brand Pharmaniaga, the thought of us as a company that does business with a conscience comes to mind.

Following the launch of Pharmaniaga's new logo in October 2002, we embarked on several initiatives in 2003 to strengthen the foundations of the Pharmaniaga brand. In positioning ourselves as Malaysia's foremost integrated healthcare solutions provider, we focused on a two pronged approach – a product branding approach and a corporate branding approach – both of which were guided by our philosophy of doing business with a conscious and driven by our mission of "enriching life together".

Our product branding initiatives included positioning our brand as the leader in bio-equivalent (BE) initiatives with a greater emphasis on upgrading the quality of our products and meeting international standards. In line with this, we introduced an icon on our product packaging to highlight our BE products and distinguish Pharmaniaga from generic competition.

BE icon/Ikon BE

Our product branding approach also saw us producing product brochures that included BE study results to illustrate the products' bio-equivalence to the original patented products. We also introduced new and standardised packaging for all Pharmaniaga products for easy brand recognition.

Other initiatives saw us sponsoring and conducting BE-focused talks to doctors and pharmacists as well as participated in exhibitions to showcase and provide information

Jenama Pharmaniaga adalah bahagian asasi entiti Pharmaniaga. Ia menggambarkan janji kami kepada pelanggan bahawa kami akan menyumbang dengan signifikan terhadap kesejahteraan hidup mereka dengan menawarkan produk dan perkhidmatan yang bermutu tinggi. Jenama kami melambangkan kepercayaan, ketekalan dan harapan yang telah ditentukan.

Dalam usaha kami untuk memantapkan kehadiran yang khusus bagi Pharmaniaga dalam fikiran pelanggan, kami mengamalkan falsafah "berniaga dengan hati nurani". Apabila orang mendengar jenama Pharmaniaga, kami berharap mereka akan teringat sebuah syarikat yang berniaga dengan hati nurani.

Berikutan pelancaran logo baru Pharmaniaga pada bulan Oktober 2002, kami telah memulakan beberapa inisiatif pada tahun 2003 untuk memperkukuh asas jenama Pharmaniaga. Dalam menempatkan syarikat kami sebagai pembekal penyelesaian penjagaan kesihatan bersepadu yang terunggul di Malaysia, kami bertumpu pada pendekatan dua serampang – pendekatan penjenamaan produk dan pendekatan penjenamaan korporat – kedua-duanya berpandukan falsafah kami untuk berniaga dengan hati nurani dan terdorong oleh misi kami untuk "bersama-sama menyempurnakan kehidupan".

Inisiatif penjenamaan produk kami merangkumi penetapan jenama kami sebagai peneraju dalam inisiatif kesetaraan-bio (BE) dengan keutamaan ditumpukan kepada peningkatan mutu produk kami dan pematuhan piawaian antarabangsa.

Sejajar dengan ini, kami telah memperkenalkan sebuah ikon pada pembungkusan produk untuk mengenalpasti produk BE kami dan membezakan Pharmaniaga daripada saingan generik lain.

Pendekatan penjenamaan produk kami turut melibatkan penerbitan risalah yang mengandungi hasil kajian BE untuk menghuraikan kesetaraan-bio produk tersebut dengan produk berpaten yang asal. Kami turut memperkenalkan pembungkusan yang baru dan seragam bagi semua produk Pharmaniaga untuk memudahkan pengenalan produk.

Inisiatif lain merangkumi penajaan dan pengendalian ceramah bertumpukan BE kepada para doktor dan ahli farmasi serta menyertai pameran untuk memperagakan serta memberikan maklumat tentang produk BE kami.

on our BE products. We also developed premiums and giveaways for customers to remind them of our stance on BE initiatives.

Running parallel to the product branding, the corporate branding initiatives concentrated on touching the more emotional side of our many stakeholders. We chose to hold true to our pledge of "enriching life together" by supporting NGOs that focus on serving the communities they operate in. The National Council for the Blind and its member organisations were one such group. They provide living skills training to their members so that they in turn can live independent and self-sustaining lives. Another group, the Malaysian Paralympic Council provides a platform for the disabled community to tap their full potential as athletes at the international level. We are proud to associate the Pharmaniaga brand with the commendable efforts of organisations such as these.

In line with our philosophy of doing business with a conscience, we also continuously strive to hold true to the highest values of good corporate governance. Not only has this helped build our stakeholders' confidence in the Company, but the Pharmaniaga brand too has received accolades for this stance on corporate governance by winning the KLSE Corporate Excellence Awards and the National Annual Corporate Reporting Awards, both for two years running.

We take great pride in the fact that we are a homegrown Malaysian company. 2003 saw us demonstrating our nationalistic stance through the Merdeka campaign where we pledged "Keranamu Malaysia" on 10 Park May buses that ply the various routes in the Klang Valley.
The sum of all these initiatives has gone a long way in ensuring that the Pharmaniaga brand is on the right path to success. Rest assured that Pharmaniaga will continue to strengthen the brand and deliver on our promise of doing business with a conscience to achieve an "enriching life together".

pharmaniaga

# PURE BRANDING

Kami juga menghasilkan premium dan cenderahati untuk pelanggan bagi mengingatkan mereka tentang pendirian kami terhadap inisiatif BE.

Seiring dengan penjenamaan produk, inisiatif penjenamaan korporat bertumpu kepada aspek yang menyentuh emosi para pemegang kepentingan kami. Kami berpegang teguh pada ikrar kami untuk "bersama-sama menyempurnakan kehidupan" dengan menyokong NGO yang berkhidmat kepada masyarakat setempat mereka. Majlis Orang Buta Kebangsaan dan organisasi ahlinya adalah salah satu kumpulan seumpama itu. Ia memberikan latihan kemahiran hidup kepada ahlinya supaya mereka dapat menjalani hidup berdikari dan mampu menyara diri sendiri. Satu lagi kumpulan, Majlis Paralimpik Malaysia, menyediakan pelantar bagi golongan kurang upaya untuk mencapai tahap keupayaan mereka sepenuhnya sebagai atlet di peringkat antarabangsa. Kami berbangga kerana dapat mengaitkan jenama Pharmaniaga dengan usaha murni pertubuhan-pertubuhan seperti ini.

Selaras dengan falsafah kami untuk berniaga dengan hati nurani, kami juga terus berusaha untuk berpegang kepada nilai-nilai tertinggi tadbir urus korporat yang baik. Ini tidak sekadar membantu membina keyakinan pemegang kepentingan kami terhadap Syarikat, malah jenama Pharmaniaga turut terserlah apabila kita memenangi Anugerah Kecemerlangan Korporat BSKL dan Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) bagi dua tahun berturut-turut.

Kami amat berbangga bahawa kami adalah sebuah syarikat peribumi Malaysia. Kami telah membuktikan semangat nasionalisma kami terhadap tanah air menerusi kempen Merdeka tahun 2003 kami, di mana kata-kata janji "Keranamu Malaysia" dipaparkan pada 10 buah bas Park May yang melalui laluan-laluan di Lembah Klang.

Gabungan hasil kesemua inisiatif ini akan memastikan jenama Pharmaniaga berada di jalan yang jauh dalam menuju kejayaan. Yakinlah bahawa Pharmaniaga akan terus mengukuhkan jenama dan melunaskan janji kami untuk berniaga dengan hati nurani untuk mencapai "bersama-sama menyempurnakan kehidupan".

# TRANSPARENCY

ONLY BY PLACING A COMMITMENT TO
THE BEST PRACTICES CAN WE EXCEL.
THROUGH RIGOROUS RISK MANAGEMENT,
WE WILL REFINE OUR OPERATIONS.
AND FIND A BALANCE IN LIFE.
FOR YOU.

KETELUSAN.
Kecemerlangan boleh dikecapi hanya dengan menanamkan komitmen pada amalan terunggul. Melalui pengurusan risiko yang rapi, kami memperhalus operasi kami. Dan mencapai imbangan hidup. Semata-mata untuk anda.

pharmaniaga



# PURE BALANCE

# The NOTICE of Annual General Meeting

## Agenda

1. To receive the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2003 and the Directors' and Auditors' Reports thereon.

   **Resolution 1**

2. To approve the payment of a Final Tax Exempt Dividend of 8.5 sen per share for the financial year ended 31 December 2003.

   **Resolution 2**

3. To re-elect as Director, Encik Ismael Fariz bin Ali who retires pursuant to Article 88 of the Company's Articles of Association.

   **Resolution 3**

4. To re-elect as Director, YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh who retires pursuant to Article 88 of the Company's Articles of Association.

   **Resolution 4**

5. To appoint Messrs. PricewaterhouseCoopers as Auditors in place of the retiring Auditors, Messrs. Shamsir Jasani Grant Thornton for the ensuing year and to authorise the Directors to fix their remuneration.

   **Resolution 5**

NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT the Sixth Annual General Meeting of PHARMANIAGA BERHAD will be held at Selangor Ballroom, Sheraton Subang Hotel & Towers, Jalan SS12/1, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan on Tuesday, 18 May 2004 at 10.00 a.m. for the following purposes:-

**As special business**

6. To consider and, if thought fit, to pass with or without any modification, the following resolutions as Ordinary Resolutions:

   a. **Payment of Directors' Fees for the Financial Year ended 31 December 2003**
   "THAT the payment of the Directors' Fees of RM258,000.00 for the financial year ended 31 December 2003 be approved."
   **Resolution 6**

   b. **Authority to Issue Shares Pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965**
   "THAT, pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965 and subject to the approvals of the relevant governmental and/or regulatory authorities, the Directors be and are hereby empowered to issue and allot shares of the Company from time to time and upon such terms and conditions and for such purposes as the Directors may deem fit, provided that the aggregate number of shares issued pursuant to this resolution shall not exceed ten per centum (10%) of the total issued capital of the Company and that such authority shall continue in force until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company."
   **Resolution 7**

   c. **Proposed Renewal of Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature with UEM World Berhad and/or its directors or subsidiaries or associated companies**
   "THAT pursuant to paragraph 10.09 of the Listing Requirements of Malaysia Securities Exchange Berhad, approval be and is hereby given for the renewal of the Shareholders' Mandate for the Company and/or its subsidiaries ("the Pharmaniaga Group") to enter into the category of recurrent transactions of a revenue or trading nature as set out in Section 2.4.1 of the Circular to Shareholders dated 26 April 2004 with UEM World Berhad and/or its directors or subsidiaries and/or associated companies ("UEM") mentioned therein which are necessary

for the Pharmaniaga Group's day to day operations subject to the following:-

i. the transactions are in the ordinary course of business, at arm's length basis and are on normal commercial terms which are not more favourable to the related parties than those generally available to the public and are not detrimental to the minority shareholders; and
ii. disclosure is made in the annual report of the breakdown of the aggregate value of transactions conducted pursuant to the Shareholders' Mandate during the financial year based on the following information:-
    a. the type of the recurrent transactions made; and
    b. the names of the related parties involved in each type of the recurrent transactions made and their relationship with the Company.

AND THAT such approval conferred shall continue to be in force until:-

i. the conclusion of the next Annual General Meeting ("AGM") of the Company following the forthcoming AGM at which such Shareholders' Mandate is passed, at which time it will lapse, unless by a resolution passed at such general meeting whereby the authority is renewed; or
ii. the expiration of the period within which the next AGM of the Company after that date is required to be held pursuant to Section 143(1) of the Companies Act, 1965 (but shall not extend to such extensions as may be allowed pursuant to Section 143(2) of the Companies Act, 1965); or
iii. revoked or varied by resolution passed by the shareholders in a general meeting.

whichever is earliest;

AND FURTHER THAT the Directors of the Company be and are hereby authosized to complete and do all such acts and things as they may consider expedient or necessary to give effect to the Proposed Renewal of Shareholders' Mandate with UEM."

**Resolution 8**

**d. Proposed Renewal of Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature with Raza Sendirian Berhad and/or its directors and/or substantial shareholders**

"THAT pursuant to paragraph 10.09 of the Listing Requirements of Malaysia Securities Exchange Berhad, approval be and is hereby given for the renewal of the Shareholders' Mandate for the Company and/or its subsidiaries (the "Pharmaniaga Group") to enter into the category of recurrent transactions of a revenue or trading nature as set out in Section 2.4.1 of the Circular to Shareholders dated 26 April 2004 with Raza Sendirian Berhad and/or its directors and/or substantial shareholders ("Raza") mentioned therein which are necessary for the Pharmaniaga Group's day to day operations subject to the following:-

i. the transactions are in the ordinary course of business, at arm's length basis and are on normal commercial terms which are not more favourable to the related parties than those generally available to the public and are not detrimental to the minority shareholders; and
ii. disclosure is made in the annual report of the breakdown of the aggregate value of transactions conducted pursuant to the Shareholders' Mandate during the financial year based on the following:-
   a. the type of the recurrent transaction made; and
   b. the names of the related parties involved in each type of the recurrent transactions made and their relationship with the Company.

**AND THAT** such approval conferred shall continue to be in force until:-
i. the conclusion of the next Annual General Meeting ("AGM") of the Company following the forthcoming AGM at which such Shareholders' Mandate is passed, at which time it will lapse, unless by a resolution passed at such general meeting whereby the authority is renewed; or
ii. the expiration of the period within which the next AGM of the Company after that date is required to be held pursuant to Section 143(1) of the Companies Act, 1965 (but shall not extend to such extensions as may be allowed pursuant to Section 143(2) of the Companies Act, 1965); or
iii. revoked or varied by resolution passed by the shareholders in a general meeting.

whichever is earliest;

**AND FURTHER THAT** the Directors of the Company be and are hereby authorised to complete and do all such acts and things as they may consider expedient or necessary to give effect to the Proposed Renewal of Shareholders' Mandate with Raza."
**Resolution 9**

e. **Proposed Shareholders' Mandate for additional Recurrent Related Party Transactions of a Revenue or Trading Nature**
**"THAT** pursuant to paragraph 10.09 of the Listing Requirements of Malaysia Securities Exchange Berhad, approval be and is hereby given for the Shareholders' Mandate for the Company and/or its subsidiaries (the "Pharmaniaga Group") to enter into the category of additional recurrent transactions of a revenue or trading nature as set out in Section 2.4.2 of the Circular to Shareholders dated 26 April 2004 which are necessary for the Pharmaniaga Group's day to day operations subject to the following:-
i. the transactions are in the ordinary course of business, at arm's length basis and are on normal commercial terms which are not more favourable to the related parties than those generally available to the public and are not detrimental to the minority shareholders; and
ii. disclosure is made in the annual report of the breakdown of the aggregate value of transactions conducted pursuant to the Shareholders' Mandate during the financial year based on the following:-
   a. the type of the recurrent transaction made; and
   b. the names of the related parties involved in each type of the recurrent transactions made and their relationship with the Company.

**AND THAT** such approval conferred shall continue to be in force until:-
i. the conclusion of the next Annual General Meeting ("AGM") of the Company following the forthcoming AGM at which such Shareholders' Mandate is passed, at which time it will lapse, unless by a resolution passed at such general meeting whereby the authority is renewed; or

ii. the expiration of the period within which the next AGM of the Company after that date is required to be held pursuant to Section 143(1) of the Companies Act, 1965 (but shall not extend to such extensions as may be allowed pursuant to Section 143(2) of the Companies Act, 1965); or

iii. revoked or varied by resolution passed by the shareholders in a general meeting.

whichever is earliest;

**AND FURTHER THAT** the Directors of the Company be and are hereby authorised to complete and do all such acts and things as they may consider expedient or necessary to give effect to the Proposed Shareholders' Mandate for additional Recurrent Transactions".
**Resolution 10**

7. To transact any other business of which due notice shall have been given.

**NOTICE OF DIVIDEND ENTITLEMENT AND PAYMENT**

NOTICE IS ALSO HEREBY GIVEN THAT subject to the approval of the shareholders at the forthcoming Sixth Annual General Meeting, a Final Tax Exempt Dividend of 8.5 sen per share will be paid on 16 June 2004 to the shareholders whose names appear in the Record of Depositors on 1 June 2004.

A depositor shall qualify for entitlement only in respect of:-

a. shares transferred to the depositor's securities account before 4.00 p.m. on 1 June 2004 in respect of ordinary transfers;

b. shares bought on Malaysia Securities Exchange Berhad on a cum entitlement basis according to the Rules of Malaysia Securities Exchange Berhad.

By Order of the Board
PHARMANIAGA BERHAD

WONG KEO ROU (MAICSA 7021435)
YEONG PEET FOONG (MAICSA 7046915)
Company Secretaries
26 April 2004
Shah Alam

**Notes:-**

1. A member of the Company entitled to be present and vote at the Meeting may appoint a proxy to vote instead of him. A proxy may but need not be a member of the Company and a member may appoint any person to be his proxy.

2. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointor or his attorney duly authorized in writing or if the appointor is a corporation, under its common seal or signed by its attorney or by an officer on behalf of the corporation.

3. Where a Member of the Company is an authorised nominee as defined under the Central Depositories Act 1991, he may appoint at least one (1) proxy in respect of each Securities Account it holds with ordinary shares of the Company standing to the credit of the said Securities Account.

4. The instrument appointing a proxy, together with the power of attorney (if any) under which it is signed or a certified copy thereof, shall be deposited at the Registered Office of the Company at No. 7, Lorong Keluli 1B, Kawasan Perindustrian Bukit Raja Selatan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan at least forty-eight (48) hours before the time appointed for holding the meeting or adjourned meeting at which the person named in such instrument proposes to vote; otherwise the person so named shall not be entitled to vote in respect thereof. The Annual Report and Form of Proxy are available for access and download at the Company's website at www.pharmaniaga.com.

5. Notice of Nomination of Messrs. PricewaterhouseCoopers as Auditors of the Company pursuant to Section 172(11) of the Companies Act, 1965 in place of the retiring Auditors, Messrs. Shamsir Jasani Grant Thornton has been received by the Company from a shareholder of the Company, a copy of which is annexed hereto and marked "Annexure A". Letter of consent to act as Auditors pursuant to Section 9(6) of the Companies Act, 1965 has also been received from Messrs. PricewaterhouseCoopers, a copy of which is annexed hereto and marked "Annexure B".

## EXPLANATORY NOTES ON SPECIAL BUSINESS

**Ordinary Resolution 6**

The proposed Ordinary Resolution 6, if passed, will authorise the payment of Directors' fees pursuant to Article 76 of the Articles of Association.

**Ordinary Resolution 7**

The proposed Ordinary Resolution 7, if passed, will empower the Directors of the Company to issue and allot shares in the Company from time to time and for such purposes as the Directors consider would be in the interest of the Company. This authority, unless revoked or varied by the Company at a general meeting, will expire at the next Annual General Meeting of the Company.

**Ordinary Resolutions 8, 9 and 10**

The proposed Ordinary Resolutions 8, 9 and 10, if passed, will authorise the Company and/or its subsidiaries to continue entering into the specified Recurrent Related Party Transactions of a revenue or trading nature, particulars of which are set out in Sections 2.4.1 and 2.4.2 of the Circular to Shareholders dated 26 April 2004 circulated together with this Annual Report. These authorities, unless revoked or varied by the Company at a general meeting, will expire at the next Annual General Meeting of the Company.

# STATEMENT ACCOMPANYING NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

**Statement Accompanying Notice of the Sixth Annual General Meeting pursuant to paragraph 8.28(2) of the Listing Requirements of the Malaysia Securities Exchange Berhad – particulars of Directors seeking re-election at the Annual General Meeting.**

1. Further details of Directors seeking re-election at the Annual General Meeting:

**Name of Director**
**Encik Ismael Fariz bin Ali**
Independent Non-Executive Director

**Age & Nationality**
42, Malaysian

**Qualifications**
- Master of Business Administrations (Finance), University of Iowa, USA
- Bachelor of Arts, Economics and Business Administration, Know College, Illinois USA

**Working Experience**
- Corporate Finance, ArabMalaysian Merchant Bank (1984-1996)
- Privatisation & Project Advisory, Arab Malaysian Merchant Bank (1996-1999)
- Group E-Business, AMMB Holdings Bhd (1999-2000)

**Occupation**
- Managing Director of FirstFloor Capital Sdn Bhd

**Other Directorships of Public Companies**
- Technology Resources Industries Berhad
- Celcom (Malaysia) Berhad

**Securities Holdings in Pharmaniaga and Its Subsidiaries**
Nil

**Family Relationship with Any Director and/or Major Shareholder of Pharmaniaga**
Nil

**Any Conflict of Interest with Pharmaniaga**
Nil

**List of Convictions for Offences within the Past 10 Years Other than Traffic Offences**
Nil

**No of Board Meetings attended during the financial year**
5/6

**Name of Director**
**Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh**
Independent Non-Executive Director

**Age & Nationality**
56, Malaysian

**Qualifications**
- Bachelor of Science in Civil Engineering, University of Strathclyde, Glasgow
- Master of Science in Hydraulics, Hydrology and Coastal Dynamics, University of Strathclyde, Glasgow
- Ph.D in Civil Engineering, University of Strathclyde, Glasgow
- Fellow Member, Institution of Engineers Malaysia
- Fellow Member, Academy of Sciences, Malaysia
- Fellow Member, Technological Association of Malaysia
- Member, Malaysian Institute of Management
- Member, Malaysian Water Association

**Working Experience**
- Deputy Vice-Chancellor (Development) Universiti Teknologi Malaysia (JUSA "B") (1988-1997)
- Vice-Chancellor, Universiti Utara Malaysia (JUSA "A") (1997-2001)
- Vice-Chancellor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (JUSA "A") (2001-2003)

**Occupation**
- Vice President of Open University Malaysia

**Other Directorships of Public Companies**
Nil

**Securities Holdings in Pharmaniaga and Its Subsidiaries**
Nil

**Family Relationship with Any Director and/or Major Shareholder of Pharmaniaga**
Nil

**Any Conflict of Interest with Pharmaniaga**
Nil

**List of Convictions for Offences within the Past 10 Years Other than Traffic Offences**
Nil

**No of Board Meetings attended during the financial year**
6/6

2. Date, Time and Venue of the Board Meetings

| Date | Time | Venue |
|---|---|---|
| 25 February 2003 (Tuesday) | 3.00 p.m. | Pharmaniaga Board Room, No. 7, Lorong Keluli 1B, Kawasan Perindustrian, Bukit Raja Selatan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor |
| 30 April 2003 (Wednesday) | 2.30 p.m. | Pharmaniaga Board Room, No. 7, Lorong Keluli 1B, Kawasan Perindustrian, Bukit Raja Selatan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor |
| 20 May 2003 (Tuesday) | 2.40 p.m. | Penthouse, UEM-Renong Berhad, Bangunan MCOBA, 42, Jalan Syed Putra, 50460 Kuala Lumpur |
| 19 August 2003 (Tuesday) | 9.40 a.m. | Penthouse, UEM-Renong Berhad, Bangunan MCOBA, 42, Jalan Syed Putra, 50460 Kuala Lumpur |
| 14 November 2003 (Friday) | 3.05 p.m. | Pharmaniaga Board Room, No. 7, Lorong Keluli 1B, Kawasan Perindustrian, Bukit Raja Selatan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor |
| 8 December 2003 (Monday) | 9.30 a.m. | Pharmaniaga Board Room, No. 7, Lorong Keluli 1B, Kawasan Perindustrian, Bukit Raja Selatan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor |

# NOTIS

## Mesyuarat Agung Tahunan

**Agenda**

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 dan Laporan Pengarah dan Juruaudit ke atasnya.
   **Resolusi 1**
2. Untuk meluluskan bayaran Dividen Akhir Dikecuali Cukai sebanyak 8.5 sen setiap saham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.
   **Resolusi 2**
3. Untuk memilih semula sebagai Pengarah, Encik Ismael Fariz bin Ali yang bersara selaras dengan Artikel 88 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.
   **Resolusi 3**
4. Untuk memilih semula sebagai Pengarah, YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh yang bersara selaras dengan Artikel 88 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.
   **Resolusi 4**
5. Untuk melantik Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit menggantikan Juruaudit yang bersara Tetuan Shamsir Jasani Grant Thornton dan untuk membenarkan para Pengarah menetapkan imbuhan mereka.
   **Resolusi 5**

**DENGAN INI NOTIS DIBERIKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Keenam PHARMANIAGA BERHAD akan diadakan di Selangor Ballroom, Sheraton Subang Hotel & Towers, Jalan SS12/1, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan pada hari Selasa, 18 Mei 2004 pada jam 10.00 pagi untuk tujuan berikut:-**

Sebagai urusan khas

6. Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan dengan atau tanpa apa-apa perubahan, Resolusi berikut sebagai Resolusi Biasa:

   a. **Bayaran Yuran Pengarah bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2003**
   "BAHAWA bayaran Yuran Pengarah sebanyak RM258,000.00 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 diluluskan."
   Resolusi 6

   b. **Kuasa untuk Menerbitkan Saham Selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965**
   "BAHAWA, menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 dan tertakluk kepada kelulusan badan berkuasa kerajaan dan/atau badan berkanun yang berkenaan, para Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa menerbitkan dan memperuntukkan saham Syarikat dari masa ke semasa berdasarkan syarat dan peraturan dan bagi tujuan yang mungkin dianggap sesuai oleh para Pengarah, dengan syarat bilangan agregat saham yang diterbitkan selaras dengan Resolusi ini tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah modal diterbitkan Syarikat dan kuasa ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga selesainya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya."
   Resolusi 7

   c. **Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang bersifat Pendapatan atau Perdagangan dengan UEM World Berhad dan/atau para pengarah atau anak-anak syarikatnya atau syarikat-syarikat sekutunya**
   "BAHAWA selaras dengan perenggan 10.09 Keperluan Penyenaraian Malaysia Securities Exchange Berhad, kelulusan hendaklah dan dengan ini diberikan untuk memperbaharui Mandat Pemegang Saham bagi Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya ("Kumpulan Pharmaniaga") untuk memasuki kategori urus niaga berulang yang bersifat pendapatan atau perdagangan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.4.1 Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 26 April 2004 dengan UEM World Berhad dan/atau para pengarahnya atau anak-anak syarikatnya

dan/atau syarikat-syarikat bersekutunya (UEM) yang disebutkan di sini, yang perlu bagi operasi harian Kumpulan Pharmaniaga, tertakluk kepada yang berikut:-

i. urus niaga dilaksanakan adalah urus niaga perniagaan biasa, pada asas yang adil dan terma-terma perdagangan biasa dan terma-terma yang tidak lebih menguntungkan pihak berkaitan berkenaan daripada yang tersedia pada umumnya kepada orang awam dan tidak akan memudaratkan kumpulan pemegang saham minoriti; dan
ii. butir-butir nilai pecahan agregat urus niaga yang dijalankan selaras dengan Mandat Pemegang Saham pada tahun kewangan berkenaan didedahkan dalam Laporan Tahunan berdasarkan kepada maklumat berikut:-
   a. jenis transaksi yang berulang yang dibuat; dan
   b. nama-nama pihak yang berkaitan yang terlibat di dalam setiap jenis transaksi berulang yang dibuat dan hubungan mereka dengan syarikat.

**DAN BAHAWA** kelulusan yang dirundingkan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga:-

i. selesainya Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") Syarikat berikutnya selepas AGM yang akan datang di mana Mandat Pemegang Saham demikian diluluskan, apabila tempohnya akan tamat, kecuali kuasa ini diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan di mesyuarat agung demikian; atau
ii. tamatnya tempoh AGM berikutnya sepatutnya diadakan selepas tarikh itu menurut Seksyen 143(1) Akta Syarikat, 1965 (tetapi tidak termasuk tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan selaras dengan Seksyen 143(2) Akta Syarikat, 1965); atau
iii. ditarik balik atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham di sebuah mesyuarat agung.

yang mana lebih awal;

**DAN SELANJUTNYA BAHAWA** para Pengarah hendaklah dan dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan menjalankan segala tindakan dan perkara yang mungkin mereka anggap sesuai atau perlu untuk menguatkuasakan Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham ini dengan UEM."
**Resolusi 8**

d. **Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang bersifat Pendapatan atau Perdagangan dengan Raza Sendirian Berhad dan/atau para pengarahnya dan/atau para pemegang saham besarnya**
"**BAHAWA** selaras dengan perenggan 10.09 Keperluan Penyenaraian Malaysia Securities Exchange Berhad, kelulusan hendaklah dan dengan ini diberikan untuk memperbaharui Mandat Pemegang Saham bagi Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya ("Kumpulan Pharmaniaga") untuk memasuki kategori urus niaga berulang yang bersifat pendapatan atau perdagangan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.4.1 Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 26 April 2004 dengan Raza Sendirian Berhad dan/atau para pengarahnya dan/atau para pemegang saham besarnya ("Raza") yang disebutkan di sini, yang perlu bagi operasi harian Kumpulan Pharmaniaga, tertakluk kepada yang berikut:-

i. urus niaga dilaksanakan adalah urus niaga perniagaan biasa, pada asas yang adil dan terma-terma pendapatan normal dan terma-terma yang tidak lebih menguntungkan pihak berkaitan berkenaan daripada yang tersedia pada umumnya kepada orang awam dan tidak akan memudaratkan kumpulan pemegang saham minoriti; dan
ii. butir-butir nilai pecahan agregat urus niaga yang dijalankan selaras dengan Mandat Pemegang Saham pada tahun kewangan berkenaan didedahkan dalam Laporan Tahunan berdasarkan kepada maklumat berikut:-
   a. jenis transaksi yang berulang yang dibuat; dan
   b. nama-nama pihak yang berkaitan yang terlibat di dalam setiap jenis transaksi berulang yang dibuat dan hubungan mereka dengan syarikat.

**DAN BAHAWA** kelulusan yang dirundingkan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga:-
i. selesainya Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") Syarikat berikutnya selepas AGM yang akan datang di mana Mandat Pemegang Saham demikian diluluskan, apabila tempohnya akan tamat, kecuali kuasa ini diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan di mesyuarat agung demikian; atau
ii. tamatnya tempoh AGM berikutnya sepatutnya diadakan selepas tarikh itu menurut Seksyen 143(1) Akta Syarikat, 1965 (tetapi tidak termasuk tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan selaras dengan Seksyen 143(2) Akta Syarikat, 1965); atau
iii. ditarik balik atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham di sebuah mesyuarat agung.

yang mana lebih awal;

**DAN SELANJUTNYA BAHAWA** para Pengarah hendaklah dan dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan menjalankan segala tindakan dan perkara yang mungkin mereka anggap sesuai atau perlu untuk menguatkuasakan Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham dengan Raza."
**Resolusi 9**

**e. Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang bersifat Pendapatan atau Perdagangan**

**"BAHAWA** selaras dengan perenggan 10.09 Keperluan Penyenaraian Malaysia Securities Exchange Berhad, kelulusan hendaklah dan dengan ini diberikan untuk memperbaharui Mandat Pemegang Saham bagi Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya ("Kumpulan Pharmaniaga") untuk memasuki kategori urus niaga berulang yang bersifat pendapatan atau perdagangan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.4.2 Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 26 April 2004 yang perlu bagi operasi harian Kumpulan Pharmaniaga, tertakluk kepada yang berikut:-
i. urus niaga dilaksanakan adalah urus niaga perniagaan biasa, pada asas yang adil dan terma-terma perdagangan normal dan terma-terma yang tidak lebih menguntungkan pihak berkaitan berkenaan daripada yang tersedia pada umumnya kepada orang awam dan tidak akan memudaratkan kumpulan pemegang saham minoriti; dan
ii. butir-butir nilai pecahan agregat urus niaga yang dijalankan selaras dengan Mandat Pemegang Saham pada tahun kewangan berkenaan didedahkan dalam Laporan Tahunan berdasarkan kepada maklumat berikut:-
   a. jenis transaksi yang berulang yang dibuat; dan
   b. nama-nama pihak yang berkaitan yang terlibat di dalam setiap jenis transaksi berulang yang dibuat dan hubungan mereka dengan syarikat.

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (samb.)

**DAN BAHAWA** kelulusan yang dirundingkan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga:-

i. selesainya Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") Syarikat berikutnya selepas AGM yang akan datang di mana Mandat Pemegang Saham demikian diluluskan, apabila tempohnya akan tamat, kecuali kuasa ini diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan di mesyuarat agung demikian; atau

ii. tamatnya tempoh AGM berikutnya sepatutnya diadakan selepas tarikh itu menurut Seksyen 143(1) Akta Syarikat, 1965 (tetapi tidak termasuk tempoh lanjutan yang mungkin dibenarkan selaras dengan Seksyen 143(2) Akta Syarikat, 1965); atau

iii. ditarik balik atau diubah oleh resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham di sebuah mesyuarat agung.

yang mana lebih awal;

**DAN SELANJUTNYA BAHAWA** para Pengarah hendaklah dan dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan menjalankan segala tindakan dan perkara yang mungkin mereka anggap sesuai atau perlu untuk menguatkuasakan Cadangan Mandat Pemegang Saham ini."

**Resolusi 10**

7. Untuk menjalankan apa-apa urusan lain yang telah diberikan notis sewajarnya.

### NOTIS HAK DAN BAYARAN DIVIDEN

**DENGAN INI NOTIS JUGA DIBERIKAN BAHAWA** tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan Keenam yang akan datang, Dividen Akhir Dikecuali Cukai sebanyak 8.5 sen sesaham akan dibayar pada 16 Jun 2004 kepada pemegang saham yang muncul namanya di Rekod Penyimpan pada 1 Jun 2004.

Penyimpan akan layak mendapat hak hanya berhubung:-

a. saham yang dipindahkan kepada akaun sekuriti penyimpan sebelum jam 4.00 petang pada 1 Jun 2004 bagi pindahan biasa;

b. saham yang dibeli di Malaysia Securities Exchange Berhad atas dasar dengan hak menurut peraturan Malaysia Securities Exchange Berhad.

Dengan Perintah Lembaga
PHARMANIAGA BERHAD

WONG KEO ROU (MAICSA 7021435)
YEONG PEET FOONG (MAICSA 7046915)
Setiausaha Syarikat
26 April 2004
Shah Alam

**Nota-nota:-**

1. Ahli Syarikat yang berhak hadir dan mengundi di Mesyuarat boleh melantik proksi untuk mengundi bagi pihaknya. Proksi boleh tetapi tidak semestinya menjadi ahli Syarikat dan ahli boleh melantik sesiapa sahaja untuk menjadi proksinya.

2. Instrumen pelantikan proksi hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh pelantik atau wakil yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis.

3. Apabila seorang Ahli Syarikat menjadi penama yang diberi kuasa seperti yang tertakrif di bawah Akta Depositori Pusat 1991, beliau boleh melantik sekurang-kurangnya satu (1) proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegang olehnya dengan saham biasa Syarikat pada kedudukan kredit dalam Akaun Sekuriti tersebut.

4. Instrumen pelantikan proksi, berserta surat kuasa wakil (jika ada) yang di bawahnya instrumen tersebut ditandatangani, atau salinan yang disahkan, hendaklah diserahkan kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di No. 7, Lorong Keluli 1B, Kawasan Perindustrian Bukit Raja Selatan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan sekurang-kurangnya empat puluh lapan (48) jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat atau penangguhan mesyuarat di mana orang yang dinamakan dalam instrumen demikian bercadang untuk mengundi; jika tidak orang yang dinamakan tersebut tidak berhak mengundi dalamnya. Laporan Tahunan dan Borang Proksi boleh didapati dan dimuat turun daripada laman web Syarikat di www.pharmaniaga.com.

5. Notis Pencalonan Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat selaras dengan Seksyen 172(11) Akta Syarikat, 1965 untuk menggantikan Juruaudit yang bersara, Tetuan Shamsir Jasani Grant Thornton, diterima oleh Syarikat daripada pemegang saham Syarikat, dan salinannya yang bertanda “Lampiran A” dilampirkan dengan laporan ini. Surat persetujuan untuk bertindak selaku Juruaudit selaras dengan Seksyen 9(6) Akta Syarikat, 1965 juga diterima oleh Tetuan PricewaterhouseCoopers, dan salinannya yang bertanda “Lampiran B” dilampirkan dengan laporan ini.

## NOTA PENJELASAN MENGENAI URUSAN KHAS

**Resolusi Biasa 6**

Cadangan Resolusi Biasa 6, jika diluluskan, akan membenarkan bayaran yuran Pengarah selaras dengan Perkara 76 Tataurusan Persatuan.

**Resolusi Biasa 7**

Cadangan Resolusi Biasa 7, jika diluluskan, akan memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan dan memperuntukan saham dalam Syarikat dari masa ke semasa dan bagi tujuan yang dianggap oleh para Pengarah adalah demi kepentingan Syarikat. Kuasa ini, kecuali ditarik balik atau diubah oleh Syarikat di sebuah mesyuarat agung, akan tamat tempoh di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat berikutnya.

**Resolusi Biasa 8, 9 dan 10**

Cadangan Resolusi Biasa 8, 9 dan 10 jika diluluskan, akan membenarkan Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk terus menyertai Urus Niaga Berulang dengan Pihak Ketiga yang ditetapkan, yang bersifat pendapatan atau perdagangan, yang mana butir-butirnya dinyatakan dalam Seksyen 2.4.1 dan 2.4.2 Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 26 April 2004 yang diedarkan bersama Laporan Tahunan ini. Kuasa ini, kecuali ditarik balik atau diubah oleh Syarikat di Mesyuarat Agung, akan tamat tempoh di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat berikutnya.

**Penyata Bersama Notis Mesyuarat Agung Tahunan Keenam selaras dengan perenggan 8.28(2) Keperluan Penyenaraian Malaysia Securities Exchange Berhad – butir-butir peribadi para Pengarah yang mencalonkan diri untuk pemilihan semula di Mesyuarat Agung Tahunan.**

1. Butir-butir lanjut para Pengarah yang mencalonkan diri untuk pemilihan semula di Mesyuarat Agung Tahunan:

**Nama Pengarah**
**Encik Ismael Fariz bin Ali**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**Umur & Warganegara**
42, Malaysia

**Kelayakan**
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), University of Iowa, AS
- Sarjana Muda Sastera, Ekonomi dan Pentadbiran Perniagaan, Know College, Illinois, AS

**Pengalaman Bekerja**
- Kewangan Korporat, Arab Malaysian Merchant Bank (1984-1996)
- Penasihat Penswastaan & Projek, Arab Malaysian Merchant Bank (1996-1999)
- E-Perniagaan Kumpulan, AMMB Holdings Berhad (1999-2000)

**Jawatan**
- Pengarah Urusan FirstFloor Capital Sdn Bhd

**Lain-lain jawatan pengarah syarikat awam**
- Technology Resources Industries Berhad
- Celcom (Malaysia) Berhad

**Pemegangan sekuriti dalam Pharmaniaga dan anak-anak syarikatnya**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Pharmaniaga**
Tiada

**Sebarang konflik kepentingan dengan Pharmaniaga**
Tiada

**Senarai pensabitan kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lepas kecuali kesalahan lalu lintas**
Tiada

**Bil Mesyuarat Lembaga yang dihadiri pada tahun kewangan**
5/6

**Nama Pengarah**
**Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**Umur & Warganegara**
56, Malaysia

**Kelayakan**
- Sarjana Muda Sains dalam Jurusan Kejuruteraan Awam, University of Strathclyde, Glasgow
- Sarjana Sains dalam Jurusan Hidraulik, Hidrologi dan Dinamik Pantai, University of Strathclyde, Glasgow
- Doktor Falsafah dalam jurusan Kejuruteraan Awam, University of Strathclyde, Glasgow
- Ahli Fellow, Institut Jurutera Malaysia
- Ahli Fellow, Akademi Sains Malaysia
- Ahli Fellow, Persatuan Teknologikal Malaysia
- Ahli, Institut Pengurusan Malaysia
- Ahli, Persatuan Air Malaysia

**Pengalaman Bekerja**
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi Malaysia (JUSA "B") (1988-1997)
- Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia (JUSA "A") (1997-2001)
- Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (JUSA "A") (2001-2003)

**Jawatan**
- Timbalan Presiden Universiti Terbuka Malaysia

**Lain-lain jawatan pengarah syarikat awam**
Tiada

**Pemegangan sekuriti dalam Pharmaniaga dan anak-anak syarikatnya**
Tiada

**Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Pharmaniaga**
Tiada

**Sebarang konflik kepentingan dengan Pharmaniaga**
Tiada

**Senarai pensabitan kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lepas kecuali kesalahan lalu lintas**
Tiada

**Bil Mesyuarat Lembaga yang dihadiri pada tahun kewangan**
6/6

2. Tarikh, Waktu dan Tempat Mesyuarat Lembaga

Tarikh : 25 Februari 2003 (Selasa)

Masa : 3.00 petang

Tempat : Bilik Lembaga Pengarah, No. 7, Lorong Keluli 1B, Kawasan Perindustrian, Bukit Raja Selatan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor

Tarikh : 30 April 2003 (Rabu)

Masa : 2.30 petang

Tempat : Bilik Lembaga Pengarah, No. 7, Lorong Keluli 1B, Kawasan Perindustrian, Bukit Raja Selatan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor

Tarikh : 20 Mei 2003 (Selasa)

Masa : 2.40 petang

Tempat : Penthouse, UEM-Renong Berhad, Bangunan MCOBA, 42, Jalan Syed Putra, 50460 Kuala Lumpur

Tarikh : 19 Ogos 2003 (Selasa)

Masa : 9.40 pagi

Tempat : Penthouse, UEM-Renong Berhad, Bangunan MCOBA, 42, Jalan Syed Putra, 50460 Kuala Lumpur

Tarikh : 14 November 2003 (Jumaat)

Masa : 3.05 petang

Tempat : Bilik Lembaga Pengarah, No. 7, Lorong Keluli 1B, Kawasan Perindustrian, Bukit Raja Selatan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor

Tarikh : 8 Disember 2003 (Isnin)

Masa : 9.30 pagi

Tempat : Bilik Lembaga Pengarah, No. 7, Lorong Keluli 1B, Kawasan Perindustrian, Bukit Raja Selatan, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor

# GROUP QUARTERLY PERFORMANCE • PRESTASI SUKU TAHUNAN KUMPULAN

**For the Year Ended 31 December 2003/**
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003**

| | | Quarter/Suku | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
Apart from risk management and internal audit, the Group has the following control processes in place:

- The Board meets at least quarterly to ensure it maintains full and effective supervision over appropriate controls. The Managing Director leads the presentation of the Board Papers and provides comprehensive explanation of significant issues. In arriving at any decision, on recommendation by the Management, a thorough deliberation and discussion by the Board is a prerequisite. Where areas of improvement in the system are identified, the Board considers the recommendations made by the Audit Committee and Management. The Board is kept updated on the Group's activities and operations on a regular basis.

### Fungsi Jawatankuasa Audit

UEM Group Management Sdn Bhd masih memberikan sokongan audit dalaman kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah sepanjang tahun ini.

Bahagian yang akan diaudit oleh Juruaudit Dalaman telah dikenalpasti berdasarkan penilaian daftar risiko serta perbincangan dengan pengurusan dan ahli-ahli Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit telah meluluskan Memorandum Perancangan Audit Dalaman sebelum bermulanya kerja-kerja audit untuk tahun tersebut. Selain daripada audit pematuhan dan audit operasi, Audit Dalaman juga menilai secara bebas prosedur mengenalpasti risiko, kawalan pengurangan yang dikenalpasti di bawah Rangka Pengurusan Risiko dan pematuhan Kumpulan terhadap dasar-dasar dan amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat.

Keputusan audit dalaman dan sebarang tindakan pembetulan telah dilaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit. Penemuan ini, serta penemuan yang timbul daripada audit berkanun, membantu Jawatankuasa Audit dalam penilaian mereka mengenai prasarana kawalan dalam Kumpulan.

### Polisi dan Prosedur Lain

Selain daripada pengurusan risiko dan audit dalaman, Kumpulan mempunyai proses-proses kawalan berikut:

- Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap 3 bulan bagi memastikan pemantauan yang menyeluruh dan efektif ke atas kawalan yang bersesuaian. Pengarah Urusan mengetuai pembentangan kertas kerja Lembaga dan memberikan penerangan menyeluruh kepada isu-isu penting. Dalam mengambil sebarang keputusan, berdasarkan saranan oleh pihak Pengurusan, perlu ada perbincangan yang menyeluruh oleh Lembaga. Apabila bahagian yang boleh diperbaiki dalam sistem dikenalpasti, Lembaga mengambilkira cadangan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan. Lembaga sentiasa dimaklumkan mengenai aktiviti-aktiviti dan operasi Kumpulan secara tetap.

**Other Policies and Procedures (cont'd)**

- A structured strategic business-planning program is in place where the respective Business Units prepare the Annual Business Plan which is presented to the Board for approval. Management reviews actual results against the budget on a monthly basis.

- The management provides the Board with quarterly financial information, which includes the monitoring of results against budget with major variances being followed up and management action taken, where necessary.

- The Board of Directors has put in place an organisation structure, which formally defines a clear line of responsibilities and delegation of authorities. This includes the establishment of limits of authority (Discretionary Authority limits), which sets out the appropriate approving authority at various levels of management including matters that require Board approval.

- Clearly documented internal policies and procedures on Health and Safety set out in the Standard Practice Manual, which highlights the policies on safety and health for the employees. These procedures are relevant across Group operations and subject to regular review and improvement to provide continuous assurance to be given at increasingly higher levels of management and finally to the Board.

**Polisi dan Prosedur Lain (samb.)**

- Wujud sebuah program perancangan perniagaan strategik yang tersusun di mana setiap Unit Perniagaan menyediakan Pelan Perniagaan Tahunan yang dibentangkan kepada Lembaga untuk kelulusan. Pengurusan menilai keputusan sebenar berbanding dengan belanjawan pada setiap bulan.

- Pengurusan memberikan Lembaga maklumat kewangan suku tahun yang merangkumi pemantauan keputusan berbanding belanjawan di mana perlu perbezaan besar disusul dan tindakan pengurusan diambil.

- Lembaga Pengarah telah menetapkan struktur organisasi yang secara formalnya menjelaskan garis tanggungjawab dan delegasi kuasa. Ini termasuklah pembentukan had kuasa (Had-had Kuasa Mengikut Budibicara) yang menggariskan kuasa kelulusan pada pelbagai tahap pengurusan termasuk perkara yang memerlukan kelulusan pihak Lembaga.

- Polisi dalaman dan prosedur Kesihatan dan Keselamatan yang didokumentasikan dengan jelas di dalam Manual Amalan Biasa, yang mengikhtisarkan polisi-polisi keselamatan dan kesihatan kakitangan. Prosedur-prosedur ini relevan ke atas semua operasi Kumpulan dan tertakluk kepada penilaian semasa dan dikemaskini bagi memberikan keyakinan berterusan di pihak pengurus atasan dan seterusnya kepada Lembaga.

**Other Policies and Procedures (cont'd)**

- All employees are required to sign and adhere to the Employee Handbook, which highlights policies on training and development, staff performance and serious misconduct.
- A performance management system was implemented where the employees' competencies are enhanced through continuous training and education programmes.
- Yearly visits to operating units by members of the Board and senior management.

**Weaknesses in internal controls that result in material losses**

There were no material losses incurred during the current financial year as a result of weaknesses in internal control. The Board and the Management are committed to continuously take measures to strengthen the control environment.

The external auditors have reviewed this Statement of Internal Control and reported to the Board that the Statement appropriately reflects the process adopted by the Board in reviewing the adequacy and integrity of the internal control system.

**Polisi dan Prosedur Lain (samb.)**

- Semua kakitangan dikehendaki menandatangani dan mematuhi Buku Panduan Kakitangan, yang menggariskan polisi-polisi mengenai latihan dan pembangunan, prestasi kakitangan dan salahlaku yang melampau.
- Sistem prestasi pengurusan telah dilaksanakan di mana keupayaan kakitangan ditingkatkan melalui latihan berterusan dan program-program pendidikan.
- Lawatan tahunan ke unit operasi oleh ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan.

**Kekurangan kawalan dalaman yang mengakibatkan kerugian material**

Tiada kerugian material akibat kelemahan dalam kawalan dalaman dilaporkan pada tahun kewangan ini. Lembaga dan Pihak Pengurusan adalah komited untuk sentiasa mengambil langkah wajar bagi mengukuhkan prasarana kawalan.

Juruaudit luar telah menilai Penyata Kawalan Dalaman ini dan telah melaporkan kepada Lembaga bahawa Penyata ini menggambarkan dengan jelas proses yang digunakan oleh Lembaga dalam menilai kesesuaian dan integriti sistem kawalan dalaman.

# STATEMENT OF DIRECTORS' RESPONSIBILITIES
## PENYATA TANGGUNGJAWAB PARA PENGARAH

**The Board of Directors is responsible for ensuring that the financial statements give a true and fair view of the state of affairs of the Company and the Group as at the end of the financial year and of their results and cash flows for the period then ended.**

In preparing the financial statements, the Directors have considered and ensured that,

1. applicable approved accounting standards in Malaysia and the provisions of the Companies Act, 1965 have been applied;
2. suitable and appropriate accounting policies have been selected and applied consistently; and
3. reasonable and prudent judgements and estimates were made.

The Directors also have a general responsibility for taking such steps as are reasonably available to them to safeguard the assets of the Group, and to prevent and detect fraud and other irregularities.

**Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab untuk memastikan penyata kewangan tahunan memberi satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Syarikat dan Kumpulan pada penghujung tahun kewangan dan keputusan dan aliran tunai untuk jangkamasa tersebut.**

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah menimbangkan dan memastikan bahawa,

1. piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat 1965 telah dipatuhi;
2. polisi perakaunan yang sesuai telah dipilih dan digunakan secara konsisten; dan
3. keputusan dan anggaran dibuat dengan teliti dan munasabah.

**Pengarah-pengarah juga mempunyai tanggungjawab dalam mengambil langkah-langkah yang tersedia ada untuk melindungi aset-aset Kumpulan, dan juga untuk mencegah dan mengenalpasti kepalsuan dan perkara-perkara lain yang menyimpang daripada peraturan.**

# REPORT OF THE AUDIT COMMITTEE
# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

**Composition and Members**

The Audit Committee presently comprises of four (4) members of the Board of which three (3) are Independent Directors and one (1) Non-Independent Non-Executive Director.

Below are the members of the Audit Committee during the financial year:

**Komposisi dan Ahli-ahli**

Ahli Jawatankuasa Audit sekarang terdiri daripada empat (4) ahli daripada Lembaga di mana tiga (3) daripadanya merupakan Pengarah Bebas dan satu (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif.

Berikut adalah senarai ahli-ahli Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan:










| Directors / Pengarah | Status / Status |
|---|---|
| 1. Ismael Fariz bin Ali<br>Chairman / Pengerusi | Independent Non-Executive Director /<br>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif |
| 2. Datuk Sulaiman bin Daud | Senior Independent Non-Executive Director/<br>Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif |
| 3. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh | Independent Non-Executive Director /<br>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif |
| 4. Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin | Non-Independent Non-Executive Director /<br>Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif |

## Summary of Activities

During the financial year, the Audit Committee carried out its duties as set out in the terms of reference.

The Committee convened five (5) meetings to review the following:

- the Audited Financial Report of the Company for 2002 submitted by the external auditors
- the internal audit reports from UEM Group Management Sdn Bhd
- the unaudited Quarterly Financial results for four quarters in 2003 for release to the Malaysia Securities Exchange Berhad (MSEB)
- Recurrent Related Party Transactions of the Company
- the Audit and Tax Services Proposal from the External Auditors
- the Statement of Corporate Governance and Internal Control Statement for disclosure in Annual Report 2002
- the internal and external audit planning memorandums and programmes for the following year

The meetings were appropriately structured through the use of agendas and meeting papers, which were distributed to members with sufficient notification.

## External Audit

The Audit Committee continuously engages with and monitors the services of the external auditors to ensure independence, objectivity and effectiveness of the existing auditors.

In line with the company's corporate governance practices, the Audit Committee undertook an exercise in 2003 as part of the group-wide initiative to completely review and re-evaluate the engagement of its incumbent auditors. The objective of the group-wide exercise was to promote better transparency and efficacy and it was targeted at audits commencing with the financial year ending 2004. This exercise will be carried out periodically.

## Ringkasan Aktiviti-aktiviti

Sepanjang tahun kewangan, Jawatankuasa Audit telah menjalankan tugasan sepertimana yang telah dinyatakan dalam bidang tugas. Jawatankuasa tersebut telah mengadakan lima (5) mesyuarat untuk mengkaji perkara-perkara seperti berikut:

- Laporan Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun 2002 yang diserahkan oleh juruaudit luar
- Laporan audit dalaman daripada UEM Group Management Sdn Bhd
- Keputusan Kewangan Suku Tahunan yang tak diaudit bagi empat suku bagi tahun 2003 untuk diserahkan ke Malaysia Securities Exchange Berhad (MSEB)
- Urusniaga Pihak Berkaitan Berulang
- Audit dan Cadangan Perkhidmatan Cukai daripada Juruaudit Luaran
- Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Kawalan Dalaman yang didedahkan di dalam Laporan Tahunan 2002
- Memorandum dan program perancangan audit dalaman dan luar bagi tahun berikutnya

Mesyuarat ini dirangka dengan sewajarnya menggunakan agenda dan kertas-kertas mesyuarat yang diedarkan kepada ahli dalam tempoh secukupnya sebelum mesyuarat.

## Audit Luaran

Jawatankuasa Audit sentiasa mengikuti dan memantau perkhidmatan juruaudit luaran bagi memastikan kebebasan, objektiviti dan keberkesanan juruaudit sedia ada.

Sejajar dengan langkah amalan tadbir urus korporat syarikat, pada tahun 2003 Jawatankuasa Audit telah melaksanakan satu langkah sebagai sebahagian daripada inisiatif menyeluruh syarikat untuk mengkaji keseluruhan dan menilai semula perkhidmatan juruaudit yang ada sekarang. Objektif langkah yang menyeluruh ini ialah untuk menganjurkan ketelusan dan kecekapan yang lebih baik dan ianya telah disasarkan kepada audit bermula tahun kewangan berakhir 2004. Langkah ini akan dibuat dari masa ke semasa.

**Meetings/Mesyuarat**

The attendance by each member at meetings during financial year was as follows:

Kehadiran setiap ahli pada mesyuarat-mesyuarat bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | Members/Ahli | Meeting Attendance<br>Bilangan Mesyuarat yang dihadiri |
|---|---|---|
| 1. | Ismael Fariz bin Ali<br>Chairman/Pengerusi | 5/5 |
| 2. | Datuk Sulaiman bin Daud | 5/5 |
| 3. | Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammad Noor bin Salleh | 5/5 |
| 4. | Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin | 5/5 |

The Managing Director and the Chief Financial Officer were present by invitation in all meetings. Representatives of the external auditors, Messrs. Shamsir Jasani Grant Thornton as well as of the Group Internal Audit (UEM Group Management Sdn Bhd) also attended the meeting upon invitation.

**Reports/Minutes**

Detailed audit reports by the Internal Auditors, together with responses by Management, are circulated to the Committee Members, Managing Director and Chief Financial Officer. Minutes of the meetings of the Audit Committee are circulated to all members of the Board and significant issues are discussed at the Board Meetings.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Kewangan hadir atas jemputan ke semua mesyuarat. Wakil juruaudit luar Tetuan Shamsir Jasani Grant Thornton dan Juruaudit Dalaman Kumpulan (UEM Group Management Sdn Bhd) juga menghadiri mesyuarat atas jemputan.

**Laporan/Minit Mesyuarat**

Laporan audit yang terperinci oleh Juruaudit Dalaman, beserta maklumbalas oleh Pengurusan telah diedarkan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Kewangan. Minit mesyuarat Jawatankuasa Audit telah diedarkan kepada semua ahli-ahli Lembaga dan isu-isu penting telah dibincangkan di Mesyuarat Lembaga.

## Terms of Reference

**1. Composition of the Audit Committee**

The Audit Committee shall be appointed by the Board of Directors from amongst its numbers, which fulfils the following requirements:

a. The Audit Committee must be composed of no fewer than three (3) members;

b. A majority of the Audit Committee must be independent Directors;

c. At least one (1) member of the Audit Committee must be a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA) or any equivalent qualifications recognised by the MIA; and

d. No alternate director shall be appointed as a member of the Audit Committee.

The members of the Audit Committee shall elect a Chairman from among themselves who shall be an Independent Director. All members of the Audit Committee, including the Chairman, will hold office only so long as they serve as Directors of Pharmaniaga Berhad. The Board of Directors must review the term of office and performance of the Audit Committee and each of its members at least once every three (3) years to determine whether the Audit Committee has carried out its duties in accordance with its terms of reference.

**2. Secretary of the Audit Committee**

The Company Secretary or in the absence of the Company Secretary, any person appointed by the Audit Committee.

**3. Objectives of the Audit Committee**

The objective of the Audit Committee is to assure the shareholders of the Company that the Directors of Pharmaniaga have complied with specified financial standards and required disclosure policies developed and administered by MSEB and other approved accounting standard bodies.

## Bidang Tugas

**1. Komposisi Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan mereka, yang menepati syarat-syarat berikut:

a. Jawatankuasa Audit perlu dianggotai oleh tidak kurang dari tiga (3) ahli;

b. Majoriti Jawatankuasa Audit mestilah terdiri daripada Pengarah Bebas;

c. Sekurang-kurangnya satu (1) ahli Jawatankuasa Audit mestilah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh MIA, dan

d. Pengarah pengganti tidak boleh dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Audit.

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit harus melantik seorang Pengerusi dari kalangan mereka yang merupakan seorang Pengarah Bebas. Kesemua ahli Jawatankuasa Audit, termasuk Pengerusi, akan memegang jawatan selagi mereka berkhidmat sebagai Pengarah Pharmaniaga Berhad. Lembaga Pengarah harus mengkaji semula tempoh perkhidmatan dan prestasi Jawatankuasa Audit serta setiap ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap (3) tahun untuk menentukan sama ada Jawatankuasa Audit telah menjalankan tugas menurut bidang tugasnya.

**2. Setiausaha Jawatankuasa Audit**

Setiausaha Syarikat atau jika Setiausaha Syarikat tidak hadir, mana-mana individu yang dilantik oleh Jawatankuasa Audit.

**3. Objektif Jawatankuasa Audit**

Objektif Jawatankuasa Audit adalah untuk memberi jaminan kepada para pemegang saham Syarikat bahawa para Pengarah Pharmaniaga telah mematuhi piawai kewangan yang telah ditetapkan dan dasar pendedahan yang digariskan dan ditadbir oleh MSEB dan badan-badan piawaian perakaunan yang diluluskan.

In addition, the Audit Committee needs to ensure consistency with MSEB's commitments to encourage high standards of corporate disclosure and transparency. The Audit Committee will endeavour to adopt certain practices aimed at maintaining appropriate standards of corporate responsibility, integrity and accountability to Pharmaniaga's shareholders.

## 4. Duties and Responsibilities of the Audit Committee

The following are the main duties and responsibilities of the Committee collectively:

4.01 Recommend to the Board on the appointment and annual reappointment of the external auditors and their audit fee, after taking into consideration the independence and objectivity of the external auditors and the cost effectiveness of their audit.

4.02 Discuss with the external auditor before the audit commences, the nature and scope of the audit, the audit plan and ensure co-ordination where more than one audit firm is involved.

4.03 Review the quarterly interim results, half year and annual financial statements of the Company and the Group prior to approval by the Board whilst ensuring that they are prepared in a timely and accurate manner complying with all accounting and regulatory requirements and are promptly published.

4.04 Discuss problems and reservations arising from the interim and final audits and any matter the auditor may wish to discuss in the absence of the management where necessary.

Di samping itu, Jawatankuasa Audit perlu memastikan konsistensi dengan komitmen MSEB untuk menggalakkan piawaian pendedahan dan ketelusan korporat yang tinggi. Jawatankuasa Audit akan berikhtiar untuk menerima beberapa kaedah dengan bertujuan mengekalkan piawaian tanggungjawab korporat, integriti dan akauntabiliti yang sesuai terhadap pemegang saham Pharmaniaga.

## 4. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit

Berikut adalah tugas-tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa secara kolektif:

4.01 Mencadangkan kepada Lembaga tentang perlantikan dan perlantikan semula tahunan juruaudit luar dan yuran audit mereka, selepas mengambil kira keberkecualian dan objektiviti juruaudit luar tersebut dan keberkesanan dari segi kos audit mereka.

4.02 Berbincang dengan juruaudit luar sebelum audit bermula, jenis dan skop audit, rancangan audit dan memastikan koordinasi jika lebih daripada satu firma audit terlibat.

4.03 Menyemak keputusan suku tahun, laporan kewangan Syarikat dan Kumpulan untuk setengah tahun dan akhir tahun sebelum mendapatkan kelulusan dari Lembaga sementara memastikan bahawa kesemuanya telah disediakan dengan mematuhi semua keperluan perakaunan dan diterbitkan dengan secepat mungkin.

4.04 Membincangkan masalah dan keraguan yang timbul dari audit pertengahan dan akhir serta perkara yang perlu dibincang oleh juruaudit tanpa kehadiran pihak pengurusan, apabila perlu.

4.05 Review the external auditor's management letter and management's response.

4.06 Review and ensure the Internal Audit Department/Function is adequately resourced, has appropriate standing within the Company and evaluate the standards of internal controls and financial reporting.

4.07 Consider the major findings of internal investigations and management's response.

4.08 Review any related party transactions and conflict of interest situation that may arise within the Company or the Group and its related companies and ensure that such transactions are undertaken at arm's length, normal commercial, on terms not favourable to the related party that those generally available to the public and are not to the detriment of the minority shareholders and in the best interest of the Company and its subsidiaries.

4.09 Review the terms of the shareholders' mandate for recurrent related party transactions of a revenue or trading nature.

4.10 Consider other topics as defined by the Board.

**5. Power of the Audit Committee**

In carrying out its duties and responsibilities, the Audit Committee will have the following rights:

a. Have explicit authority to investigate any matter within its terms of reference;

b. Have the resources required to perform its duties;

c. Have full and unrestricted access to any information, records, properties and personnel of the Company and of any other companies within the Group;

4.05 Mengkaji surat pengurusan dari juruaudit luar dan tindakbalas pihak pengurusan.

4.06 Mengkaji dan memastikan bahawa Fungsi/Jabatan Audit Dalaman mempunyai sumber yang mencukupi dan ditempatkan di kedudukan yang sesuai dalam Syarikat serta mengkaji piawai kawalan dalaman dan laporan kewangan.

4.07 Mempertimbangkan keputusan utama siasatan dalaman dan tindakbalas pihak pengurusan.

4.08 Mengkaji mana-mana urus niaga pihak yang berkaitan dan situasi konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan dan syarikat-syarikat yang berkaitan, dan memastikan urus niaga tersebut dijalankan secara saksama, berasas perdagangan biasa, pada syarat-syarat yang tidak lebih menguntungkan pihak berkaitan berbanding dengan yang tersedia untuk orang awam dan tidak memudaratkan kepentingan pemegang saham minoriti dan demi kepentingan Syarikat dan anak-anak syarikatnya.

4.09 Mengkaji semula syarat-syarat mandat pemegang saham untuk urus niaga pihak berkaitan berulang yang bersifat pendapatan atau perdagangan.

4.10 Mempertimbangkan topik-topik lain seperti yang ditakrif oleh Lembaga.

**5. Kuasa Jawatankuasa Audit**

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, Jawatankuasa Audit mempunyai hak-hak seperti berikut:

a. Mempunyai kuasa yang jelas untuk menyiasat sebarang perkara dalam bidang tugasnya;

b. Mempunyai sumber yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;

c. Mempunyai akses penuh dan tidak terhalang terhadap sebarang maklumat, rekod, harta dan kakitangan Syarikat dan sebarang syarikat lain dalam Kumpulan;

d. Have direct communication channels with the external auditors and person(s) carrying out the internal audit function or activity (if any);

e. Be able to obtain independent professional or other advice and to invite outsiders with relevant experience to attend the Committee's meetings (if required) and to brief the Committee;

f. The attendance of any particular Audit Committee meeting by other Directors and employees of the Company shall be at the Committee's invitation and discretion and must be specific to the relevant meeting; and

g. Be able to convene meetings with external auditors, excluding the attendance of the executive members of the Committee, whenever deemed necessary.

**Internal Audit Function**

In discharging its duties, the Audit Committee is strongly supported by the Internal Audit undertaken by UEM Group Management Sdn Bhd ("UEG"). UEG's role is to evaluate and report on the adequacy, integrity and effectiveness of the Company's overall system of internal control.

UEG also carried out audit programmes as set out in the audit plans approved by the Audit Committee. A risk based auditing approach now forms an integral part of the audit plans. The audit findings and recommendations, which also highlight areas of non-compliance with the Company's policies, procedures and guidelines are submitted to the Audit Committee for review.

Further details of the activities of the internal audit are set out in the Statement on Internal Control on pages 58 to 63.

d. Mempunyai saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan mereka yang menjalankan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);

e. Boleh mendapatkan nasihat profesional atau nasihat lain yang bebas dan menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa (jika perlu) dan untuk memberi penerangan kepada Jawatankuasa;

f. Kehadiran Pengarah-pengarah lain dan kakitangan Syarikat dalam sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit adalah bergantung kepada jemputan dan pertimbangan dan mestilah khusus kepada mesyuarat yang berkaitan; dan

g. Boleh mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar, tanpa kehadiran ahli-ahli eksekutif Jawatankuasa apabila dianggap perlu.

**Fungsi Audit Dalaman**

Dalam menjalankan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit telah disokong sepenuhnya oleh Audit Dalaman yang dijalankan oleh UEM Group Management Sdn Bhd ("UEG"). Peranan UEG ialah untuk menilai dan melaporkan kemampuan, integriti dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman Syarikat.

UEG turut menjalankan program audit sepertimana yang dijelaskan dalam pelan audit yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Pendekatan audit berdasarkan risiko kini merupakan bahagian penting di dalam pelan audit. Penemuan audit dan cadangan-cadangan, termasuk perkara-perkara yang tidak mematuhi polisi, prosedur dan garispanduan Syarikat telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit untuk dinilai.

Maklumat lebih lanjut tentang aktiviti audit dalaman telah disediakan di Laporan Kawalan Dalaman di mukasurat 58 ke 63.

# PROFILE OF SENIOR MANAGEMENT • PROFIL PENGURUSAN KANAN

## Azhar bin Hussain
*Managing Director*

*Refer to Profile of Directors on Page 37.*
*Rujuk kepada Profil Pengarah di muka surat 37.*



## Roshidah Abdullah

Age 37, Roshidah is the Chief Financial Officer of Pharmaniaga Berhad. She joined Pharmaniaga Logistics as Finance Manager on 1 January 1995. A graduate of the South Australian Institute of Technology (now known as South Australian University of Technology) with a Bachelor of Arts (Accountancy) in 1988, she began her career as Senior Auditor with Kassim Chan & Co, an internationally affiliated public accounting firm. From 1993 she was with TIME Engineering Bhd as Group Accountant for two years. She was the General Manager, Group Corporate Services since January 2000 before being promoted to her current position in April 2003. A Certified Practising Accountant of CPA Australia and also a chartered member of the Malaysian Institute of Accountants, she also oversees the Organisational Development and Corporate Communications functions of the Pharmaniaga Group.

Berusia 37 tahun, Roshidah adalah Ketua Pegawai Kewangan Pharmaniaga Berhad. Beliau menyertai Pharmaniaga Logistics sebagai Pengurus Kewangan pada 1 Januari 1995. Seorang graduan dari South Australian Institute of Technology (sekarang dikenali sebagai South Australian University of Technology) dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Perakaunan) pada tahun 1988, beliau memulakan kerjayanya sebagai Juruaudit Kanan dengan Kassim Chan & Co, sebuah firma perakaunan awam gabungan antarabangsa. Pada 1993, beliau berkhidmat dengan TIME Engineering Bhd sebagai Akauntan Kumpulan selama dua tahun. Beliau ialah Pengurus Besar, Perkhidmatan Korporat Kumpulan sejak Januari 2000 sebelum dinaikkan pangkat ke jawatan sekarang pada bulan April 2003. Seorang Akauntan Beramal Bertauliah dari CPA Australia dan juga merupakan ahli Institut Bertauliah Akauntan Malaysia, beliau juga bertanggungjawab ke atas fungsi Pembangunan Organisasi dan Komunikasi Korporat bagi Kumpulan Pharmaniaga.





## Dr. Effendi Tenang

Age 53, Dr. Effendi is the Chief Operating Officer of Pharmaniaga Logistics since 1996. He first joined Pharmaniaga Logistics as an Advisor and General Manager on 1 March 1994. He holds a doctorate in Pharmacology from St Andrews University (United Kingdom, 1979) and is currently responsible for the entire logistics activities and institutional business of the Pharmaniaga Group. He began his career as a lecturer in the School of Medical Sciences, Universiti Sains Malaysia in 1979 before moving on to Pfizer (M) Sdn Bhd (Pfizer) in 1989, a multinational pharmaceutical company. He was the Medical Director in Pfizer for five years before joining the Group. He also holds directorship position in a subsidiary company of Pharmaniaga (Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd).

Berusia 53 tahun, Dr. Effendi adalah Ketua Pegawai Operasi Pharmaniaga Logistics semenjak 1996. Beliau mula menyertai Pharmaniaga Logistics sebagai Penasihat dan Pengurus Besar pada 1 Mac 1994. Beliau memegang ijazah kedoktoran dalam jurusan Farmakologi dari Universiti St Andrews (United Kingdom, 1979). Kini beliau bertanggungjawab bagi keseluruhan kegiatan logistik dan Jualan Institusi bagi Kumpulan Pharmaniaga. Beliau memulakan kerjaya beliau sebagai pensyarah di Fakulti Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia pada tahun 1979 sebelum berpindah ke Pfizer (M) Sdn Bhd (Pfizer) pada tahun 1989, sebuah syarikat farmaseutikal antarabangsa. Beliau adalah Pengarah Perubatan Pfizer selama 5 tahun sebelum menyertai Kumpulan. Beliau juga memegang jawatan pengarah dalam sebuah anak syarikat Pharmaniaga (Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd).

Age 53, Cheah is the Senior General Manager, Medical Products & Services. He joined Pharmaniaga Logistics as a Senior Manager on 1 December 1994. He holds a Bachelor Degree in Pharmacy from Universiti Sains Malaysia, Diploma in Medical Microbiology from the Institute of Medical Research, Ministry of Health, Malaysia (MOH) and a Corporate Member of the Chartered Institute of Purchasing & Supply. Prior to joining Pharmaniaga Logistics, he served the MOH for 18 years as a Pharmacist in the Government Medical Store and General Hospitals. His last posting with the Government was as Deputy Director (Manufacturing) of the Government Medical Store. Currently, he oversees the operations of Medical Products & Services Division that includes Pharmaniaga Biomedical.

## Cheah Ewe Khoon

Berusia 53 tahun, Cheah adalah Pengurus Besar Kanan, Produk dan Perkhidmatan Perubatan. Beliau menyertai Pharmaniaga Logistics sebagai Pengurus Kanan pada 1 Disember 1994. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Farmasi dari Universiti Sains Malaysia dan Diploma Mikrobiologi Perubatan dari Institut Penyelidikan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga menjadi Ahli Korporat Institut Berkanun Pembelian & Pembekalan. Sebelum menyertai Pharmaniaga Logistics, beliau berkhidmat dengan KKM selama 18 tahun sebagai Pegawai Farmasi di Makmal Ubat dan Stor dan beberapa Hospital Besar. Jawatan terakhir yang dipegang oleh beliau semasa di sektor awam ialah Timbalan Pengarah (Pengeluaran) Makmal Ubat dan Stor. Beliau kini menyelia operasi bahagian Produk dan Perkhidmatan Perubatan termasuk Pharmaniaga Biomedical.





Age 47, Jaber is the Senior General Manager, Logistics & Distribution. He started with Pharmaniaga Logistics as Senior Manager, Operations on 15 August 1994. His responsibilities include supplier management, logistics and customer service management. A graduate from Punjab University, Pakistan in 1984 with a Bachelor of Pharmacy, his extensive experience in the local pharmaceutical industry includes working as a Pharmacist with Parke Davis, Schmidt Scientific and Wyeth (Pakistan) Laboratories. He was also the Inventory Manager with Zuellig Pharma Sdn Bhd, one of the major pharmaceutical distributors in Malaysia, from 1988 to 1993.

## Abdul Jaber Hafiz

Berusia 47 tahun, Jaber adalah Pengurus Besar Kanan, Logistik & Pengagihan. Beliau mula menyertai Pharmaniaga Logistics sebagai Pengurus Kanan, Operasi pada 15 Ogos 1994. Tanggungjawab beliau merangkumi pengurusan pembekal, logistik dan pengurusan khidmat pelanggan. Seorang graduan daripada Universiti Punjab, Pakistan pada 1984 dengan Ijazah Sarjana Muda Farmasi, beliau mendapat pengalaman yang meluas dalam industri farmaseutikal tempatan termasuk bekerja sebagai ahli farmasi dengan syarikat-syarikat seperti Parke Davis, Schmidt Scientific dan Wyeth (Pakistan) Laboratories. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengurus Inventori di Zuellig Pharma Sdn Bhd, salah sebuah pengedar farmaseutikal utama di Malaysia.

## Gavin Hoh

Age 38, Gavin is the General Manager of Group IT Services and e-commerce. He oversees the whole operations and management of Pharmaniaga Solutions. He joined Pharmaniaga Logistics as the Management Information System Manager in September 1994. He holds a Bachelor of Science (Honours) in Computer Science from University of Westminster, United Kingdom and graduated with a Masters in Business System Analysis & Design from City University, United Kingdom. He served as technical sales, programming and system analyst for four years with an IT vendor. He is responsible for the development and implementation of the Group IT masterplan as well as charting the direction of business development and operations for Pharmaniaga Solutions.

Berusia 38 tahun, Gavin merupakan Pengurus Besar, Perkhidmatan Teknologi Maklumat Kumpulan dan e-dagang. Beliau bertanggungjawab ke atas keseluruhan operasi dan pengurusan Pharmaniaga Solutions. Beliau menyertai Pharmaniaga Logistics sebagai Pengurus Sistem Informasi Pengurusan pada September 1994. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam jurusan Sains Komputer daripada Universiti Westminster, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Analisa Sistem dan Rekabentuk Perniagaan dari City University, United Kingdom. Beliau pernah berkhidmat sebagai jurujual teknikal, juruanalisis pengaturcaraan dan sistem selama empat tahun dengan sebuah vendor IT. Beliau bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pelaksanaan pelan induk IT dan juga terhadap perancangan hala tuju pembangunan dan pengendalian perniagaan Pharmaniaga Solutions.





## Abd. Rahman bin Abdullah Thani

Age 39, Abd. Rahman is the Senior General Manager, Business Development. He possesses a Bachelor of Commerce degree majoring in Accounting and Finance from the University of Tasmania, Australia and is a fellow of Certified Practicing Accountant of CPA Australia and a member of the Malaysian Institute of Accountants. He was attached with PriceWaterhouse from 1988 to 1991 as an Audit Senior. He then joined Petronas Trading Corporation Sdn Bhd (PETCO) and subsequently seconded to Subic Bay Petroleum Products Ltd, a joint-venture company between PETCO and Coastal Corporation, USA as Financial Controller in 1994 before joining Pharmaniaga Manufacturing in May 1995 as the General Manager, Finance and Administration. He was appointed to his current position in 2001 to explore opportunities of expanding Pharmaniaga's business, both locally and internationally.

Berusia 39 tahun, Abd. Rahman adalah Pengurus Besar Kanan, Pembangunan Perniagaan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan daripada Universiti Tasmania, Australia dan merupakan seorang Fellow Akauntan Beramal Bertauliah daripada CPA Australia serta ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau pernah bertugas dengan PriceWaterhouse dari 1988 hingga 1991 sebagai Juruaudit Kanan. Beliau kemudiannya menyertai Petronas Trading Corporation Sdn Bhd (PETCO) sebelum dipinjamkan kepada Subic Bay Petroleum Products Ltd, sebuah syarikat usahasama di antara PETCO dan Coastal Corporation, USA sebagai Pegawai Kewangan pada 1994. Beliau telah menyertai Pharmaniaga Manufacturing pada Mei 1995 sebagai Pengurus Besar, Pentadbiran dan Kewangan. Beliau dilantik ke jawatan sekarang pada 2001 untuk mengkaji peluang-peluang untuk memperluaskan kegiatan perniagaan Pharmaniaga di dalam dan luar negara.

## Ibrahim bin Zainudin

Age 46, Ibrahim is the Senior General Manager for Pharmaniaga Manufacturing Division responsible for both manufacturing plants, i.e. Pharmaniaga Manufacturing Berhad in Bandar Baru Bangi, Selangor & Safire Pharmaceuticals Sdn Bhd in Seri Iskandar, Perak. His responsibilities include overseeing all the manufacturing activities, engineering services & project management, production planning & inventory control and warehouse management. A graduate from Liverpool Polytechnic, United Kingdom with a Bachelor of Science (Honours) in Applied Biology, majoring in Microbiology & Biochemistry, he has over 20 years experience in the manufacturing industry, particularly in pharmaceuticals and medical devices. He started with Glaxo Malaysia Sdn Bhd (1982 – 1992) serving in various management functions including Quality Control Laboratory, Production and Quality Assurance. He also served Euromedical Industries Sdn Bhd (a US FDA registered medical device manufacturing facility) from 1992 until 2001 in various disciplines including Quality Assurance & Regulatory Affairs, Research & Development and Human Resource management. Ibrahim joined the Group in March 2001.

Berusia 46 tahun, Ibrahim adalah ialah Pengurus Besar Kanan bagi Bahagian Pembuatan Pharmaniaga dengan tanggungjawab terhadap kedua-dua loji pembuatannya, iaitu Pharmaniaga Manufacturing Berhad di Bandar Baru, Bangi & Safire Pharmaceuticals Sdn Bhd di Seri Iskandar, Perak. Beliau bertanggungjawab ke atas semua kegiatan perkilangan, perkhidmatan kejuruteraan & pengurusan projek, perancangan pengeluaran & kawalan inventori dan pengurusan gudang. Seorang graduan dari Liverpool Polytechnic, United Kingdom dengan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam jurusan Biologi Gunaan dengan pengkhususan dalam Mikrobiologi & Biokimia, beliau mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam industri perkilangan, khususnya dalam bidang farmaseutikal & peranti perubatan. Beliau memulakan kerjayanya dengan Glaxo Malaysia Sdn Bhd (1982 – 1992) di mana beliau telah menyandang pelbagai jawatan pengurusan termasuk Makmal Kawalan Kualiti, Pengeluaran dan Jaminan Kualiti. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Euromedical Industries Sdn Bhd (pengeluaran peranti perubatan yang berdaftar dengan US FDA) dari tahun 1992 hingga 2001 dalam beberapa bidang termasuk Jaminan Kualiti & Hal Ehwal Peraturan, Penyelidikan & Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia. Ibrahim mula berkhidmat dengan Kumpulan pada bulan Mac 2001.



## Michael Loh Kee Ming



Age 49, Michael Loh, is the General Manager of the Medical Equipment Unit. He graduated with a Bachelor of Arts from the University of Auckland, New Zealand and his career began in January 1980 as an Assistant Secretary in the Ministry of Energy, Telecommunications & Post. Hence, began a career with the Malaysian Civil Service as an Administrative and Diplomatic Officer for the next sixteen (16) years until he went on optional retirement in 1995. His last position in Government Service was the Principal Private Secretary to the Minister of Health, Malaysia. He joined Pharmaniaga Logistics as the Senior Manager for Business Development in June 1995. In October 1996, he was concurrently made the Head of the newly established Medical Equipment Unit, and in 1999 was made solely responsible as Head of this expanded unit, and subsequently promoted to General Manager of the unit in January 2002.

Berusia 49 tahun, Michael Loh, adalah Pengurus Besar Unit Peralatan Perubatan. Beliau merupakan seorang lepasan University of Auckland, New Zealand dengan Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan yang memulakan kerjayanya pada bulan Januari 1980 sebagai seorang Penolong Setiausaha di Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Dengan itu, maka bermulalah kerjaya beliau dalam Perkhidmatan Awam Malaysia, sebagai seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik untuk enam belas (16) tahun sehingga beliau bersara secara pilihan pada tahun 1995. Jawatannya yang terakhir dalam Perkhidmatan Kerajaan adalah sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Kesihatan Malaysia. Beliau menyertai Pharmaniaga Logistics sebagai Pengurus Kanan bagi Pembangunan Perniagaan pada bulan Jun 1995. Pada bulan Oktober 1996, beliau telah dilantik serentak sebagai Ketua Unit Peralatan Perubatan yang baru ditubuhkan. Pada tahun 1999, beliau mengetuai secara sepenuh masa Unit Peralatan Perubatan yang telah berkembang, dan kemudiannya, pada bulan Januari 2002, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar bagi unit yang sama.

# FOCUS

WE HAVE AN UNWAVERING DETERMINATION TO WIELD OUR VISION WHICH IS TO ENSURE THAT YOU EXPERIENCE LIFE RICH WITH POSSIBILITIES.

TUMPUAN.
Kami bertekad teguh untuk melaksanakan wawasan kami. Yakni memastikan anda menjalani kehidupan yang penuh kemungkinan.

pharmaniaga


PURE DISCIPLINE